

Keenam - Fitrah Kejadian

Allah s.w.t. menciptakan makhluk (manusia dan jin) dalam keadaan kosong dari kekufuran dan iman kemudian Dia menitahkan mereka dan memerintahkan mereka dan melarang mereka. Ada yang menjadi kufur dengan perbuatan, keingkaran dan penentangannya terhadap kebenaran dengan Allah membiarkannya. Ada yang beriman dengan perbuatan, pengakuan dan pbenarannya dengan tawfiq[32] dan pertolongan Allah s.w.t.

Allah s.w.t. mengeluarkan zuriat Adam dari tulang sulbinya, dan menjadikan mereka orang yang berakal (memberikan kepada mereka akal). Kemudian Allah menitahkan kepada mereka dan menyuruh mereka beriman dan menegah mereka dari kufur.

Mereka mengakui ketuhanan Allah s.w.t. Maka itu bererti mereka beriman.[33] Mereka dilahirkan dengan fitrah itu.[34]

Sesiapa yang kufur selepas itu bererti dia telah menukar dan mengubah (fitrahnya). Sebaliknya sesiapa yang beriman dan membenarkan bererti dia tetap dan teguh di atasnya.

NOTA KAKI:

[32] Tawfiq ialah keselarasan antara kehendak hamba dengan qada' dan qadar Allah s.w.t. Ia merangkumi kebaikan dan kejahatan yang merupakan Sa'adah (kebahagiaan) dan Shaqawah (kecelakaan/kesengsaraan). Tetapi umumnya, tawfiq dimaksudkan dengan apa yang selaras dengan Qada' dan Qadar yang membawa kepada Sa'adah. Sebagaimana Ilhad, ungkapan tentang condong dan senget, dikhususkan pemakaiannya kepada condong kepada kebatilan. (al-Maghnisawi, Sharh al-Fiqh al-Akbar, hal 16)

[33] Firman Allah s.w.t., mafhumnya : "Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini". (al-A'raf: 172)

[34] Manusia diciptakan dengan fitrah iman yakni kecenderungan beriman dan tunduk beribadat kepada Allah s.w.t. Maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (al-Rum: 30)